

29/08/1997

Tiada niat kawal mufti

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tidak berniat menguasai atau mengawal kegiatan mufti tetapi tidak akan teragak-agak mengambil tindakan di kalangan mereka yang membuat fitnah atau menyalahgunakan kuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun jawatan mufti yang diwujudkan selepas Nabi Muhammad wafat adalah untuk mengeluarkan fatwa bagi mengelak terlalu ramai orang berbuat demikian sehingga mengelirukan umat Islam, fatwa yang hendak dikeluarkan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan sejak zaman itu lagi.

"Kita beri kuasa kepada mufti untuk menentukan tidak ada orang lain membuat fatwa tetapi kuasa mufti bukan sewenang-wenang boleh digunakan untuk membuat fatwa yang tidak melalui proses prosedur.

"Tetapi nampaknya ada mufti yang pergi ke sana sini membuat syarahan. Seorang mufti umpamanya lebih mirip kepada politik dan membuat syarahan antikerajaan," katanya selepas rakaman perutusan Hari Kebangsaan ke-40 di Angkasapuri, hari ini.

Dengan menyifatkan mufti yang digaji kerajaan itu menyalahgunakan kuasa apabila memberi syarahan antikerajaan, Dr Mahathir berkata ada juga mufti yang membuat fitnah mengenai pendekatan sederhana kerajaan dalam melaksanakan undang-undang syariah di negara ini.

"Ada mufti yang berkata kononnya makna sederhana yang dimaksud oleh kerajaan ialah kita sembahyang tiga kali sehari. Siapa yang kata. Cara ini fitnah. Kalau mufti membuat fitnah, kita akan mengambil tindakan terhadap mereka. Mufti yang melanggar ajaran Islam tidak lagi layak jadi mufti," katanya.

Selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal bulan ini, Dr Mahathir berkata kerajaan membuat keputusan untuk mengkaji semula cara pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini, termasuk mengkaji semula peranan dan bidang kuasa mufti serta pegawai agama.

Bagaimanapun, kenyataan Perdana Menteri itu disifatkan oleh kalangan pemimpin Pas, melalui akhbar tabloid miliknya, Harakah, sebagai usaha kerajaan untuk menguasai kegiatan mufti di negara ini.

Dalam keluaran terbaru Harakah pula, Presiden Pas, Fadzil Noor mencadangkan supaya kerajaan melantik golongan `bisu' sebagai mufti agar mufti yang dilantik itu tidak boleh membuat apa-apa kenyataan bagi menegur kerajaan.

Perdana Menteri berkata, sebagai manusia biasa, pemimpin kerajaan sentiasa bersedia menerima teguran daripada mana-mana mufti yang melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut proses prosedur.

"Mufti yang menjalankan tugasnya dengan baik tidak ada halangan. Tetapi mufti pun manusia biasa dan tidak bermakna dia maksum dari segi undang-undang. Kalau dia buat salah maka kita mesti tegurnya dan kita mengambil tindakan terhadap mufti yang buat salah," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, tujuan kerajaan menegur mufti yang sering membuat pelbagai kenyataan bagi memastikan supaya umat Islam tidak dikelirukan oleh pendapat seseorang mufti mengenai sesuatu perkara, dengan fatwa sebenar berhubung perkara itu.

"Kalau mufti ditanya berkenaan sesuatu maka dia memberi jawapan, itu bukan fatwa. Tetapi ramai orang menganggap itu sebagai fatwa. Fatwa mestilah melalui proses pertimbangan, pertanyaan kepada pakar dan kelulusan oleh pihak yang sebenarnya berkuasa dengan perkara agama," katanya.

(END)